

# Sambutan menggalakkan untuk teh sawit

BERCERITA berkenaan pemilihan daun kelapa sawit untuk dijadikan teh, penyelidik dari Fakulti Sains Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. Suhaila Mohammed menyatakan bahawa ia sesuai dengan budaya masyarakat sekitar Asia yang menyukai minuman tersebut.

Katanya, jika dilihat di pasaran kini, pelbagai jenis teh perubatan telah dijual dan ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Sememangnya masyarakat hari ini semakin menyedari akan pentingnya penjagaan kesihatan dan minuman seperti teh merupakan antara produk yang amat bersesuaian.

Bagi penggunaan teh daun kelapa sawit tersebut, ia sama seperti mana membancuh teh uncang yang sedia ada.

Hanya perlu letakkan uncang Phytoquest dan tambah air panas di samping gula sebagai perasa.

Malah, rasa teh daun kelapa sawit itu juga sama seperti yang biasa terdapat berada di pasaran kini.

Manakala bagi penggunaan kapsul, ia dimakan sama seperti pengambilan makanan tambahan atau ubat-ubatan.

Sebiji kapsul serbuk daun kelapa sawit mempunyai khasiat sama seperti satu uncang teh daun kelapa sawit.

Untuk tujuan komersial, bekalan daun kelapa sawit tidak menjadi masalah berikutan ia tidak memiliki nilai komersial sebelum ini serta mudah diperolehi.

Justeru, bekalan bagi daun kelapa sawit sentiasa ada dan mampu memenuhi permintaan bagi tujuan pengkomersialan secara besar-besaran.

Jelas Dr. Suhaila, sehingga kini wakil-wakil dari negara-negara Timur Tengah dan Asia Barat yang telah melawat setiap pameran yang diadakan menunjukkan minat untuk mengimport produk daun teh kelapa sawit tersebut.

Bagi kadar harga yang ditetapkan kini adalah RM25 ringgit bagi 80 uncang teh dan harga tersebut akan mengikut set teh yang akan dihasilkan.

Namun, apa yang pasti harga teh tersebut adalah amat berpatutan dan lebih murah berbanding dengan

harga teh kesihatan lain yang terdapat di pasaran kini.

Ketika ditanya adakah teh tersebut juga akan berada di pasaran tempatan dalam masa terdekat ini, beliau menjelaskan bahawa pasaran yang



**SUHAILA  
MOHAMMED**

sedia ada kini telah dikuasai oleh pelbagai produk teh kesihatan.

Malah, jika teh tersebut diperkenalkan di pasaran tempatan sekarang dikhuatiri produk tersebut tidak mampu untuk bertahan dan bersaing di peringkat awal.

“Jadi kami menyasarkan pengguna di luar negara dahulu apabila ia telah mendapat tempat di kalangan pengguna luar negara baru produk ini akan dipasarkan di negara ini dan kita akan menggunakan testimoni pengguna luar negara untuk memasarkannya di sini.

“Hal ini juga berkaitan dengan budaya negara-negara Asia Barat ini yang amat meminati teh malah pengambilan minuman teh di sana juga adalah tiga kali ganda lebih kerap berbanding masyarakat di negara kita,” katanya.

Tambah beliau, ia turut boleh ditambah dengan pelbagai perisa lain seperti teh yang sedia ada di pasaran.